

**Visi**

Memulihkan hutan semula jadi dan menguruskannya secara mampan

**Matlamat Dasar**

Membekal sumber kayu kayan yang konsisten, menepati jangkaan dan mampan dari hutan NFM dan ITP (BASIL)

**Nilai-Nilai Dasar**

- Melakukan perkara yang betul, walaupun tiada sesiapa yang mengetahui;
- Cinta dan hormat pada diri sendiri, rakan-rakan dan alam semulajadi;
- Mengiktiraf dan menggalakkan kerja berpasukan, dan tidak pernah mengecewakan ahli-ahli pasukan;
- Peningkatan dan pembaharuan diri dan Sapulut yang berterusan melalui proses latihan dan pembelajaran, dan mempraktikkan "Saya lihat, Saya berfikir dan Saya lakukan"
- Disiplin - disiplin diri, pemikiran dan tingkah laku yang berdisiplin;
- Melaksanakan tugas biasa dengan hasil yang luar biasa dan memuaskannya;
- Mengetahui peraturan-peraturan, dan tahu bagaimana untuk memecahkannya dengan cara yang betul.

Dikemaskini pada 28 Jun 2017

## Kunjungan Hormat—Lembaga Industri Getah Sabah

19 Mac, 2018 - Sapulut FMU 14 telah menerima kunjungan hormat daripada Datuk Harris Matthew, Pengurus Besar Lembaga Industri Getah Sabah dan delegasinya. Mereka telah ditunjukkan pada penanaman getah dan tanaman BASIL di mana mereka kagum dengan pokok Laran dan pokok getah kita.

Lawatan singkat ini berakhir dengan sajian makan tengah hari dan para delegasi mengucapkan terima kasih kepada Sapulut untuk lawatan dan layanan baik yang diberikan.

**Gambar di sebelah kanan:** Datuk Harris Matthew dan isterinya (berdiri nombor 5 dan 6 dari kiri) mengambil gambar dengan delegasi dan pasukan Sapulut.

Oleh: Teddy Sius, Pengurus Eksekutif FMU

## FOREST MANAGEMENT CERTIFICATION – di sebalik pencapaian Sapulut.

Ketika bekerja dengan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Malaysia (FPDM), saya telah ditempatkan di Unit Ekonomi Hutan selama 6 tahun, oleh itu saya tidak pernah berpeluang untuk terlibat secara langsung dengan Pensijilan Pengurusan Hutan (FMC) kerana ianya hanya dilaksanakan di peringkat Negeri. Selepas berkhidmat di Ibu Pejabat, saya telah dipindahkan ke salah satu Negeri yang terletak di barat laut di bawah jagaan Unit Pengurusan Hutan selama 2 tahun. Saya hanya terlibat dalam dua audit pengawasan kerana FMC telah dilaksanakan selama beberapa tahun, oleh itu penglibatan dan pengetahuan saya sangat terhad.

Dipendekkan cerita, 2 hari sebelum hari terakhir saya berkhidmat, apabila saya sedang berkemas, saya terlihat manual FMC untuk FPDM. Saya menatap manual itu seketika dan memutuskan untuk 'menyeludup' (dalam erti kata lain saya mencuri manual tersebut) kerana saya terfikir ianya akan berguna kepada saya di tempat kerja yang baru (berpindah ke Sapulut).

Kembali pada tahun 2012, ketika saya ditugaskan untuk mengetuai pensijilan Sapulut, saya terus sahaja terfikirkan tentang manual FMC yang telah saya seludupkan dan buku tersebut telah membantu saya dan rakan sejawat yang lain sepanjang proses pensijilan daripada awal sehingga ke hari ini, dan saya masih menyimpan buku tersebut dengan selamat.

Sapulut mengambil masa hampir 6 tahun untuk mencapai matlamatnya, dan tentu sahaja terdapat beberapa cabaran yang dihadapi semasa proses tersebut. Walau bagaimanapun, kami berjaya melalui cabaran tersebut. **Cabaran** utama yang kita hadapi ialah pengasingan sebahagian daripada FMU 14 dimana pada ketika itu kita baru sahaja menyelesaikan Audit Tahap 2 pada tahun 2015 dan akhirnya proses pensijilan dihentikan sementara selama hampir 2 tahun. **Kekecewaan**—itulah perasaan yang saya alami pada masa itu kerana usaha yang telah kami letakkan 'kaboom' begitu sahaja. Perubahan dalam barisan kakitangan Sapulut juga telah memberi kesan kepada perkembangan kami dalam pensijilan. Berikutan perubahan tersebut, kami perlu memulakan semula dari awal dan kami perlu mendedahkan barisan kakitangan yang baru ini mengenai pensijilan agar mereka memahami, membiasakan diri dan mengaplikasikannya di lapangan. **Ini memerlukan banyak kesabaran.**

Seperti yang anda semua tahu, Sapulut tidak lama lagi akan disahkan dengan FMC untuk Hutan Semulajadi MC & I. Walau bagaimanapun, ini bukannya pengakhiran usaha selama 6 tahun tetapi ini adalah **PERMULAAN untuk menguruskan Sapulut sebagai kawasan yang diperakui**. Langkah seterusnya yang perlu kita fikirkan dan usahakan adalah menjaga piawaian kita sebagai FMU yang diperakui dan bagaimana untuk mengaplikasikan pensijilan tersebut berhubung dengan pemasaran kayu kita atau mana-mana produk yang dihasilkan pada masa akan datang daripada ITC kita. **Kita juga perlu melihat dari segi ekonomi.**

Pencapaian yang kita telah buat setakat ini adalah kerana kerja keras daripada anda semua yang menjadikannya kenyataan. Pencapaian yang diiktiraf ini berasal daripada kita semua melalui **kerja berpasukan yang hebat**. Terima kasih semua!

**Teddy Sius @ Lawrencius (Pengurus Eksekutif FMU)**



## Penyelidikan: Projek Cross Laminated Timber



Atas: Staf dari Sapulut dan Grand Likas bergambar bersama dengan En. Eng Weng Hong, pegawai FRIM, pensyarah dan pelajar dari UMS.

Satu mesyuarat telah diadakan pada 21 Disember 2017 antara Sapulut, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Fakulti Sains dan Sumber Asli (FSSA), Universiti Malaysia Sabah. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan mengenai kajian penyelidikan projek *cross laminated timber* yang memberi penekanan kepada kekuatan dan ketahanan kajian terhadap prestasi kayu perladangan tropika berkepadatan rendah (*Paraserianthes falcataria* dan *Neolamarckia cadamba*). Dalam mesyuarat tersebut, wakil-wakil dari setiap pihak memperkenalkan latar belakang mereka dan mereka juga telah ditunjukkan kajian penyelidikan oleh pelajar dari FSSA.

Disimpulkan bahawa keputusan dari projek Sesunduk oleh FRIM akan menjadi rujukan utama kajian ini. Jenis gam yang akan digunakan ialah phenol resorcinol formaldehyde (PRF). Piawaian pembuatan akan disediakan oleh FRIM dan saiz panel yang dihasilkan adalah 500 mm X 500 mm X tebal.



## 6 Kualiti Kepimpinan Asas

Sumber: <https://www.tonyrobbins.com/career-business/6-basic-leadership-qualities/>

### KEYAKINAN

Ketahui cara menetapkan nada yang tepat sebagai pemimpin dengan menunjukkan keyakinan anda. Berlatihlah komunikasi bukan lisan yang kuat dengan berdiri dengan yakin, membuat hubungan mata dan belajar untuk mengawal kegelisahan anda.

### FOKUS

Pemimpin yang hebat adalah sangat teratur dan merancang dengan baik sementara masih kekal cukup spontan untuk menangani cabaran yang tidak dijangka.

### JUJUR

Para pemimpin yang kuat melayani orang lain sebagaimana cara yang mereka harapkan mereka akan dilayani. Pastikan setiap anggota pasukan tahu apa yang diharapkan oleh budaya dan teras anda, dan tunjukkan kepada mereka betapa anda menghargai kejujuran dalam interaksi setiap hari dengan orang lain.

### POSITIF

Pemimpin yang bersikap positif mampu memberi tenaga kepada semua orang di sekeliling mereka. Memilih kepercayaan positif yang akan mendorong anda ke hadapan, bukan pemikiran negatif yang akan menjatuhkan anda. Apabila anda mengamalkan pemikiran positif ia menjadi kebiasaan kognitif anda yang kuat dan membolehkan anda memberi jaminan dan motivasi kepada orang di sekeliling anda.

### PENENTU KEPUTUSAN

Keupayaan untuk membuat keputusan adalah perbezaan di antara melalui masa yang sukar dan berada dalam tekanan. Membuat perkara sedemikian tidak selalu membuat anda akan disukai, tetapi apabila anda menggunakan penghakiman yang betul untuk membuat keputusan, ia akan memberi penghormatan daripada orang lain.

### INSPIRASI

Salah satu rahsia kejayaan adalah mengasah visi kepimpinan anda dan menyampaikannya kepada orang lain. Inspirasi adalah apa yang mendorong orang untuk mengatasi masa yang sukar—dan berusaha untuk mencapai matlamat anda walaupun pada masa mudah dan tidak rumit. Anda menentukan diri anda dengan identiti anda. Tumpukan perhatian semula dan asahlah identiti anda supaya anda dapat memberi inspirasi kepada pasukan anda.



## Apa itu Dendrologi?

### Latihan Dendrologi

Pada 22 Januari sehingga 26 Januari 2018, Sapulut telah menjemput Encik Kho Joo Ming dan dibantu oleh Cik Hayati sebagai tenaga pengajar dan sekali gus untuk berkongsi pengalaman mengenai ilmu dendrologi dengan 50 staf Sapulut yang bertempat di Kompleks Perhutanan.

Sepanjang latihan dijalankan, Encik Kho telah berkongsi mengenai jenis-jenis hutan di Sabah, pengenalan kepada spesis-spesis kayu komersil dan yang dilindungi, morfologi umum tumbuhan dan ekonomi industri dan statistik. Latihan dimantapkan lagi dengan mengenal lebih dekat spesis-spesis pokok di lapangan. Hasil perkongsian daripada Encik Kho adalah sangat bermanfaat kepada staf Sapulut terutamanya bagi mereka yang berada di lapangan bagi mengenalpasti spesis pokok yang terdapat di kawasan hutan Sapulut.



### Apa itu Dendrologi?

Dendrologi membawa maksud kajian mengenai pokok ataupun melalui penggunaan biasa, juga bermaksud taksonomi pokok berkayu termasuklah tumbuhan herba, pemanjat dan pokok renek. Kajian mengenai pokok juga bermaksud kajian mengenai pelbagai bahagian tumbuhan, termasuklah bentuk daun, struktur dan fungsi pokok tersebut dengan menggunakan mata kasar atau teknologi moden bagi proses pencacaman tumbuhan tersebut kerana pemerhatian secara teliti adalah sangat penting dalam bidang dendrologi.

Unit morfologi bagi tumbuhan adalah seperti batang, daun dan akar. Setiap unit morfologi tumbuhan adalah unik kerana melalui unit morfologi tumbuhan inilah kita dapat mengelaskan spesis tumbuhan mengikut order, famili, genus dan spesis tumbuhan tersebut.

### Kepentingan Bidang Dendrologi bagi Sapulut

Hutan Simpan Sapulut Kelas II merupakan antara hutan yang kaya dengan flora dan fauna serta terdapat pelbagai dirian pokok. Oleh sebab itu, dendrologi adalah antara bidang yang penting bagi mengenal pasti spesis-spesis yang bernilai tinggi yang terdapat di dalam kawasan Sapulut dan seterusnya melindungi spesis pokok terancam daripada dibalakkan.

Sebagai contoh, Unit Inventory, Census dan Monitoring (ICM) bergantung pada bidang ini dalam pengambilan data bagi *Permanent Sample Plot* (PSP) di kawasan NFM yang memerlukan kepakaran mengenai jenis pokok. PSP NFM merupakan pengambilan sampel data yang merangkumi data seperti spesis pokok, DBH, *clear bole height*, ketinggian dan kualiti pokok. Tujuan pengambilan sampel data ini adalah untuk mengetahui kepelbagaian dirian spesis pokok yang terdapat di dalam kompartmen secara rawak.

Oleh: Unit ICM



## Fakta Menarik Mengenai Semut



Semut adalah salah satu daripada serangga paling banyak di bumi. Terdapat lebih daripada 9000 spesies semut yang berlainan. Kajian semut dikenali sebagai "**myrmecology**".

Kadangkala pengkaji semut melakukan pemerhatian koloni dan perilaku semut secara terperinci melalui formikarium atau ladang semut. Semut tergolong dalam order serangga yang dikenali sebagai **Hymenoptera**.

Lebah dan penyengat juga tergolong dalam kumpulan ini.

Ahli entomologi percaya bahawa semut berkembang (berevolusi) daripada penyengat berjuta tahun yang lalu.



Semut adalah serangga sosial dan tinggal dalam koloni yang besar. Koloni semut terdiri daripada ratu semut, semut pekerja (betina) dan semut jantan.

Semut boleh mengangkat berat seberat **20 hingga 50 kali lebih berat daripada berat badannya sendiri**.

Dalam koloni semut, semut terdiri daripada kumpulan yang melakukan pelbagai tugas berbeza. Sesetengah semut adalah tukang bersih, ada yang menjaga anak-anak semut manakala yang lain mengumpul makanan atau mempertahankan sarang.

Semut adalah serangga yang bijak. Pakar telah menemui bahawa **otak semut boleh berfungsi secepat komputer berkuasa tinggi**.

Semut menyembur asid formik pada pemangsa sebagai salah satu bentuk pertahanan. Asid ini boleh didapati dengan mendidihkan semut.

Apabila semut menemui makanan, semut akan menghasilkan feromon sehingga semut lain dapat mencari jalan dari sarang ke sumber makanan tersebut.

Burung membenarkan semut merangkak di badan mereka dan menyembur badan mereka dengan asid formik.

Dikenali sebagai "**anting**", bertujuan untuk menghilangkan parasit dari bulu burung.



## Makan Malam Tahunan Sapulut ~ Mac 2018

**Work As A Team, Dine As A Family** – adalah tema untuk Makan Malam Tahunan Sapulut pada tahun ini.

Sekali lagi kita mendapat keistimewaan untuk berkumpul sebagai satu keluarga Sapulut untuk memperingati tahun 2017 yang mencabar. Tidak seperti tahun sebelumnya, kali ini terdapat pencapaian yang mencabar, rasa keselesaan dan kesedihan. Bukan kerana kita telah melakukan perkara yang hebat tetapi sebagai sebuah pasukan dan sebagai keluarga daripada latar belakang yang berbeza, kita mampu mengharungi badai cabaran. Kita berjaya dan menjadi lebih kuat dan bijak. Pada masa yang sama, kita kehilangan beberapa kakitangan dan rakan sekerja yang baik yang merupakan sebahagian daripada keluarga kita, yang telah pergi ke hala tuju masing-masing.

Makan malam tahun ini adalah segalanya tetapi biasa. Kita telah menimbang tara nasihat pihak pengurusan, dan meniadakan kebanyakan acara tahun lepas. Terima kasih kepada penyertaan kugiran ACSS WCL yang telah membawa bersama mereka satu set peralatan muzik yang lengkap ke kem untuk acara ini. Ia sememangnya peluang yang tidak sia-sia kerana beberapa staf di kem dengan sukarela memulakan inisiatif untuk berlatih seminggu sebelum acara ini. Selain itu, staf dari kem dan KK juga terlibat dalam mengarahkan acara video secara rahsia untuk acara itu. Ianya merupakan satu kejutan kepada semua orang, terutama sekali pihak pengurusan.

Malam itu dipenuhi dengan beberapa acara hebat dan menghiburkan. Cabutan 'angpau' dan cabutan bertuah menjadi acara utama pada malam itu. Terdapat juga beberapa persembahan tarian yang dikoreografin oleh staf-staf daripada Bahagian FAD, pelajar-pelajar UMS dan Bahagian Nurseri/Pertanian yang merupakan antara acara kemuncak malam itu. Kejutan terbesar merupakan pengumuman daripada Pengurus Besar dimana selepas beliau mendengar kugiran kem yang berlatih beberapa malam, telah memutuskan untuk menganugerahkan peralatan muzik tersebut kepada kem dengan harapan usaha baik yang menghubungkan perbezaan budaya dan kepelbagaian dari staf KK juga akan dipraktikkan di kem. Saya percaya ia adalah harapan besar pihak pengurusan bahawa tema "Work as a Team" akan hidup dan terus membawa Sapulut ke tahap yang lebih tinggi.

Oleh: Jeffrey Tendahal



## Tahukah Anda?

### TUMBUHAN PERUBATAN

Borneo mempunyai pelbagai kumpulan etnik, masing-masing masih mengekalkan cara hidup yang pelbagai namun unik, termasuk amalan dan ubat-ubatan tradisional. Penggunaan tumbuhan dalam amalan perubatan tradisional mereka telah menjadi sebahagian daripada budaya mereka dan yang telah mereka jalankan jauh sebelum pengenalan sistem perubatan moden.



<p>(1) Famili: Myrtaceae  <b>Nama Saintifik: <i>Psidium guajava</i> L.</b>  <b>Nama Tempatan :</b> Jambu batu, Biabas  <b>Kegunaan:</b> Daun muda direndam dan dipanaskan ke dalam air. Air rendaman (150 ml) diminum 3 kali sehari selama 3 hari untuk merawat cirit birit. Ianya juga boleh digunakan untuk merawat disentri (radang usus) dan gastroenteritis akut dalam perubatan Cina.</p>	<p>(2) Famili: Solanaceae  <b>Nama Saintifik: <i>Solanum nigrum</i> L</b>  <b>Nama Tempatan:</b> Binterung (Kadazandusun)  <b>Kegunaan:</b> Buah direbus dan air rebusan (kira-kira 150ml) diminum 3 kali sehari selama 3 hari untuk merawat buasir.</p>	<p>(3) Famili: Myrtaceae  <b>Nama saintifik: <i>Syzygium cerina</i> Hend.</b>  <b>Nama Tempatan:</b> Bagu (Kadazandusun)  <b>Kegunaan:</b> Akar direndam ke dalam alkohol tempatan (montoku) untuk diminum sebagai tonik.</p>
<p>(4) Famili: Rubiaceae, <b>Nama saintifik: <i>Morinda citrifolia</i></b>  <b>Nama tempatan:</b> Mengkudu, Bingkudu (Kadazandusun)  <b>Kegunaan:</b> Buah yang telah masak diambil untuk merawat gastritis. Daun dipanaskan dan digunakan untuk merawat pankreas yang bengkak. Air rendaman akar atau kulit kayu diminum untuk merawat hipertensi atau ulser gastrik. Bagi orang Brunei, air rendaman akar diminum untuk mengawal haid dan buah dikunyah untuk mencegah kerosakan gigi.</p>		

**GET INVOLVED:** If you like to contribute articles, feel free to submit to [newsletter@sapulut.com](mailto:newsletter@sapulut.com) or contact any of the team members:-

**KK Office:** Deckna Mosinoh & Theresia Richard

**Base Camp:** Teddy Sius, Johnson Joseph & Eve Asjera Janim.

We welcome any feedback or comments to improve the contents of our newsletter. We also welcome any of the staff who wish to become a member of Newsletter Team.